

# Qaseh Murni

Polisi induk



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



Perlu bantuan? Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami:

1300 22 6262

## Duti Setem Dibayar

Syarikat : FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”)  
*Pemilik Polisi Induk* : Bank Simpanan Nasional  
Nombor *Polisi Induk* : FWD10360  
Nama Pelan : Qaseh Murni  
Pelan Insurans Hayat Kumpulan Bertempoh Tanpa  
Penyertaan dan Boleh Diperbaharui Setiap Dua Tahun  
(pembaharuan adalah tidak terjamin) dengan:

- Manfaat Kematian akibat Bukan *Kemalangan*; dan
- Manfaat Kematian akibat *Kemalangan*; dan
- Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian bagi punca berkaitan Bukan *Kemalangan*; dan
- Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian bagi punca berkaitan *Kemalangan*; dan
- Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke *Unit Penjagaan Rapi*; dan
- Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal.

Dengan pembayaran *premium* seperti yang dinyatakan dalam *polisi induk*, dan tertakluk kepada terma dan syarat dalam *polisi induk* ini, *sijil* dan sebarang *endorsan* yang dilampirkan, FWD Insurance akan menawarkan manfaat-manfaat yang dinyatakan dalam *polisi induk* apabila kami meluluskan tuntutan dengan bukti yang tepat bagi peristiwa ketika tuntutan.

Bertarikh pada <DD MMM YYYY>

.....  
Penandatanganan Yang Diberi Kuasa



FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]  
Level 21, Mercuri 2,  
No. 3 Jalan Bangsar,  
KL Eco City,  
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

## Penyata Maklumat Polisi

Nombor <i>Polisi Induk</i>	:	FWD10360
<i>Pemilik Polisi Induk</i>	:	Bank Simpanan Nasional
Alamat Berdaftar <i>Pemilik Polisi Induk</i>	:	Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur
<i>Tarikh Permulaan Polisi Induk</i>	:	DD MMM YYYY
<i>Ulang Tahun Polisi Induk</i>	:	Pada DD MMM setiap tahun
Nama Pelan	:	Qaseh Murni
Jadual Manfaat	:	Rujuk kepada <b>halaman 10</b>
Jadual <i>Premium</i>	:	Rujuk kepada <b>halaman 39</b>
Tarikh Efektif Perlindungan <i>Sijil</i>	:	<i>Tarikh dikeluarkan</i> seperti dinyatakan dalam <i>sijil</i>

**Fasal Penting:** *Polisi induk* ini boleh diperbaharui untuk tempoh selanjutnya jika kami bersetuju secara bertulis dan jika terma dan syarat dalam *polisi induk* ini dipatuhi.

# Rujukan ringkas

Ini adalah *polisi induk* anda bagi *sijil* insurans anda. Sila baca untuk memahami manfaat-manfaat anda serta terma dan syarat penting yang terpakai untuk perlindungan insurans anda. Jangan risau, kami telah mengubahsuai supaya ia senang difahami.



Tentang *polisi induk*

Rujuk halaman 5

---



Manfaat-manfaat insurans dalam *polisi induk*

Rujuk halaman 7

---



Apa yang kami tidak lindungi

Rujuk halaman 11

---



Penyakit Kritikal yang kami lindungi

Rujuk halaman 16

---



Permulaan dan penamatan perlindungan insurans

Rujuk halaman 33

---



Membuat perubahan kepada *polisi induk*

Rujuk halaman 35

---



Tanggungjawab *pemilik sijil* di bawah *polisi induk*

Rujuk halaman 36

---



Terma dan syarat umum yang terpakai untuk *polisi induk*

Rujuk halaman 43

---



Maksud terma-terma penting dalam *polisi induk*

Rujuk halaman 46

---

# Tentang *polisi induk*



Terima kasih kerana memilih FWD sebagai syarikat insurans anda. Kami ingin memastikan bahawa anda memahami perlindungan yang anda terima dan berasa yakin dengan bagaimana perlindungan anda berfungsi.

## **Sijil insurans Qaseh Murni anda**

Qaseh Murni adalah satu pelan insurans hayat kumpulan bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap dua tahun (pembaharuan adalah tidak terjamin) yang menawarkan perlindungan insurans seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.



*Polisi induk* ini berkuat kuasa dari *tarikh permulaan polisi induk*. Ia dinyatakan dalam Penyata Maklumat Polisi. Setiap *sijil* berkuat kuasa dari *tarikh permulaan* hingga *tarikh tamat tempoh*. Tarikh tersebut dan tarikh penting lain dinyatakan dalam *sijil*.

### **Jika anda memerlukan bantuan, sila:**



hubungi dengan Talian Khidmat Pelanggan kami  
**1300-22-6262**



rujuk laman web kami  
**[fwd.com.my](http://fwd.com.my)**; atau



hubungi melalui e-mel  
**[ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)**

## **Dokumen *polisi induk* ini adalah sebahagian daripada keseluruhan kontrak insurans *pemilik sijil***

Dokumen *polisi induk* ini menjelaskan bagaimana insurans berfungsi.

Baca untuk memahami manfaat yang kami tawarkan, perkara yang kami kecualikan, serta terma dan syarat. Anda dicadangkan untuk menyimpan dokumen ini di tempat yang selamat supaya ia senang dijumpai apabila anda memerlukannya.

Dokumen ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan kontrak antara anda dan kami. Kontrak anda juga terdiri daripada sebarang *endorsan* yang meminda *polisi induk* ini.

Dokumen penting lain yang berkaitan dengan kontrak anda termasuk:

- sijil insurans; dan
- borang permohonan daripada anda; dan
- borang permohonan daripada *pemilik sijil*; dan
- penyata maklumat polisi; dan
- helaian keterangan produk.

### ***Polisi induk* dalam Bahasa Inggeris diutamakan berbanding dengan edisi Bahasa Melayu**

*Polisi induk* ini tersedia dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Jika terdapat sebarang keraguan atau ketidakpastian antara kedua-dua edisi, kami akan merujuk kepada edisi Bahasa Inggeris.



---

## Clarity adalah bahasa rasmi kami

Kami faham bahawa insurans merupakan satu subjek yang kompleks. Oleh itu, kami telah menulis *polisi induk* ini dengan menggunakan bahasa yang ringkas untuk memastikan dokumen ini sejelas mungkin. Dokumen ini direka supaya intuitif, tepat, dan jelas.

Dengan cara ini, anda boleh menjumpai apa yang anda perlukan, memahaminya, dan bertindak mengikut kemahuan dengan yakin.

### Kami menggunakan perkataan condong untuk menunjukkan terma yang ditakrifkan

Beberapa perkataan dalam *polisi induk* ini ditulis dengan condong, *seperti ini*. Ini merupakan terma yang ditakrifkan – perkataan-perkataan ini mempunyai maksud tertentu apabila kami menggunakannya dalam dokumen ini.



Anda boleh mencari senarai terma yang ditakrifkan dan maksudnya pada **halaman 46**.

### Apabila kami menyebut 'kami', 'anda', atau 'orang yang diinsuranskan', inilah yang kami maksudkan

Dalam dokumen ini, inilah yang kami maksudkan apabila kami merujuk kepada orang yang berbeza.

- Kami bermaksud FWD Insurance Berhad
- Anda bermaksud *pemilik polisi induk* seperti yang dinyatakan di Penyata Maklumat Polisi dalam *polisi induk* ini dan *sijil* atau sebarang *endorsan*
- Orang yang diinsuranskan adalah orang yang dilindungi di bawah *polisi induk* ini. Orang ini juga merupakan *pemilik sijil* yang dinyatakan dalam *sijil*



# Manfaat-manfaat insurans dalam *polisi induk*



Bahagian ini menerangkan enam manfaat untuk *polisi induk* ini. Bahagian ini juga menjelaskan bagaimana mereka berfungsi apabila *pemilik sijil* membuat tuntutan.

## Manfaat insurans anda



Manfaat merujuk kepada pembayaran atau kelebihan yang ditawarkan kepada *pemilik sijil* dalam keadaan tertentu.

Semasa *sijil* ini berkuat kuasa, kami akan menawarkan manfaat-manfaat yang dinyatakan di bawah. Mereka tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan sebarang *endorsan* yang terpakai.

Dokumen ini merupakan *polisi induk* Qaseh Murni.

## Enam manfaat yang ditawarkan dalam *polisi induk* ini

Berikut adalah enam manfaat yang ditawarkan dalam *polisi induk* dan fungsi mereka.



### Manfaat Kematian akibat Bukan *Kemalangan*

kami akan membayar manfaat kematian akibat bukan *kemalangan* jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia bukan disebabkan oleh *kemalangan*



### Manfaat Kematian akibat *Kemalangan*

kami akan membayar manfaat kematian akibat *kemalangan* jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia disebabkan oleh *kemalangan*



### Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian bagi punca berkaitan Bukan *Kemalangan*

kami akan memberikan elaun tunai harian untuk *penghospitalan* bagi punca berkaitan bukan *kemalangan* apabila orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital bukan disebabkan oleh *kemalangan*



### Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian bagi punca berkaitan *Kemalangan*

kami akan memberikan elaun tunai harian untuk *penghospitalan* bagi punca berkaitan *kemalangan* apabila orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital disebabkan oleh *kemalangan*



### Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke *Unit Penjagaan Rapi*

kami akan memberikan elaun tunai harian tambahan apabila orang yang diinsuranskan dimasukkan ke *unit penjagaan rapi*



### Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal

kami akan memberikan elaun tunai harian tambahan apabila orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat penyakit kritikal





## Manfaat Kematian akibat Bukan *Kemalangan*

Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia bukan disebabkan oleh *kemalangan* semasa *sijil* berkuat kuasa, kami akan membayar manfaat kematian akibat bukan *kemalangan* berdasarkan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam *sijil* mengikut jadual manfaat.

Kami akan mengurangkan jumlah yang kami bayar dengan sebarang *premium* yang perlu dibayar untuk *tahun sijil* penuh jika *pemilik sijil* berhutang kepada kami.



Selepas kami membayar manfaat ini, kami akan menamatkan *sijil*.

### ***Pemilik sijil* boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Kematian**

*Pemilik sijil* boleh menamakan orang lain untuk menerima bayaran Manfaat Kematian. Untuk mengetahui bagaimana ini beroperasi, sila rujuk **halaman 37**.



## Manfaat Kematian akibat *Kemalangan*

Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia disebabkan oleh *kemalangan* semasa *sijil* berkuat kuasa, kami akan membayar manfaat kematian akibat *kemalangan* berdasarkan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam *sijil* mengikut jadual manfaat.

Kami akan mengurangkan jumlah yang kami bayar dengan sebarang *premium* yang perlu dibayar untuk *tahun sijil* penuh jika *pemilik sijil* berhutang kepada kami.



Selepas kami membayar manfaat ini, kami akan menamatkan *sijil*.





## Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian bagi punca berkaitan Bukan *Kemalangan*

Jika orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital bukan disebabkan oleh *kemalangan* semasa *sijil* berkuat kuasa, kami akan membayar manfaat tunai *penghospitalan* harian bagi punca berkaitan bukan *kemalangan* untuk setiap hari kemasukan berdasarkan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam *sijil* mengikut jadual manfaat.



## Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke *Unit Penjagaan Rapi*

Jika orang yang diinsuranskan dimasukkan ke *unit penjagaan rapi* semasa *sijil* berkuat kuasa, kami akan membayar manfaat tunai *penghospitalan* harian tambahan untuk setiap hari kemasukan di *unit penjagaan rapi* berdasarkan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam *sijil* mengikut jadual manfaat.



## Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian bagi punca berkaitan *Kemalangan*

Jika orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital disebabkan oleh *kemalangan* semasa *sijil* berkuat kuasa, kami akan membayar manfaat tunai *penghospitalan* harian bagi punca berkaitan *kemalangan* untuk setiap hari kemasukan berdasarkan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam *sijil* mengikut jadual manfaat.



## Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal

Jika orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital disebabkan oleh penyakit kritikal yang dilindungi semasa *sijil* berkuat kuasa, kami akan membayar manfaat tunai *penghospitalan* harian tambahan untuk setiap hari kemasukan berdasarkan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam *sijil* mengikut jadual manfaat.



---

## Jadual Manfaat dalam *polisi induk ini*

Manfaat	RM		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Manfaat Kematian akibat Bukan <i>Kemalangan</i>	2,000	4,000	5,000
Manfaat Kematian akibat <i>Kemalangan</i>	10,000	20,000	25,000
Manfaat Tunai <i>Penghospitalan</i> Harian bagi punca berkaitan Bukan <i>Kemalangan</i>	40 / hari	80 / hari	100 / hari
Manfaat Tunai <i>Penghospitalan</i> Harian bagi punca berkaitan <i>Kemalangan</i>	80 / hari	160 / hari	200 / hari
Manfaat Tunai <i>Penghospitalan</i> Harian Tambahan jika dimasukkan ke <i>Unit Penjagaan Rapi</i>	40 / hari	80 / hari	100 / hari
Manfaat Tunai <i>Penghospitalan</i> Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal	40 / hari	80 / hari	100 / hari



# Apa yang kami tidak lindungi



Adalah penting untuk memahami bahawa kami tidak melindungi setiap keadaan dan risiko. Bahagian ini menerangkan situasi dan risiko yang kami tidak lindungi dalam *polisi induk* ini.

Maksudnya kami tidak akan membayar manfaat jika *pemilik sijil* membuat tuntutan dalam keadaan atau risiko di bawah.

## Bila kami tidak memberi perlindungan

**Tuntutan yang disebabkan oleh punca berkaitan bukan *kemalangan* – kami tidak akan melindungi tuntutan dalam tempoh 30 hari pertama *sijil*.**

Tempoh menunggu selama 30 hari terpakai untuk *sijil*.

Ini bermaksud kami tidak akan membayar manfaat kematian atau manfaat tunai *penghospitalan* harian bagi punca berkaitan bukan *kemalangan* jika kematian atau *penghospitalan* bagi punca berkaitan bukan *kemalangan* berlaku dalam tempoh 30 hari pertama selepas *tarikh permulaan* yang dinyatakan dalam *sijil*.

**Tuntutan yang disebabkan oleh punca berkaitan *kemalangan* – kami tidak akan melindungi tuntutan selepas 90 hari *kemalangan*.**

Kematian atau *penghospitalan* bagi punca berkaitan *kemalangan* harus berlaku dalam tempoh 90 hari selepas *kemalangan*.

Ini bermaksud kami tidak akan membayar manfaat kematian akibat *kemalangan* atau manfaat tunai *penghospitalan* harian bagi punca berkaitan *kemalangan* jika kematian atau *penghospitalan* bagi punca berkaitan *kemalangan* berlaku 90 hari selepas *kemalangan* tersebut.

**Manfaat tunai *penghospitalan* harian – kami tidak akan melindungi tuntutan selepas 14 hari dalam setahun.**

Had tahunan sehingga 14 hari setahun terpakai untuk manfaat tunai *penghospitalan*.

Ini bermaksud kami tidak akan membayar manfaat tunai *penghospitalan* bermula dari hari ke-15 *penghospitalan* dalam setahun.

Had 14 hari akan bermula semula pada *ulang tahun sijil*. Manfaat ini tidak terkumpul jika *pemilik sijil* tidak menggunakan had 14 hari dalam setahun, oleh itu manfaat tidak akan dibawa ke *ulang tahun sijil* yang berikutnya.

**Tuntutan bagi Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal – kami tidak akan melindungi tuntutan dalam tempoh 30 atau 60 hari pertama *sijil*.**

Kami tidak akan melindungi Manfaat Tunai *Penghospitalan* Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat penyakit kritikal dalam tempoh tertentu selepas *tarikh permulaan* yang dinyatakan dalam *sijil*.

Kami tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal yang didiagnosis dalam tempoh 30 hari selepas *tarikh permulaan* seperti yang dinyatakan dalam *sijil*.

Kami juga tidak akan melindungi penyakit kritikal berikut jika didiagnosis dalam tempoh 60 hari selepas *tarikh permulaan* seperti yang dinyatakan dalam *sijil*.



- Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari
- Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
- Pembedahan pintasan arteri koronari
- Serangan jantung - keterukan tertentu
- Penyakit arteri koronari serius

---

## Risiko yang kami tidak lindungi

**Kami tidak akan melindungi manfaat kematian akibat bukan *kemalangan* atau kematian akibat *kemalangan* yang berkaitan dengan bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri dalam tempoh 1 tahun**

Kami tidak akan membayar manfaat kematian akibat bukan *kemalangan* atau kematian akibat *kemalangan* di bawah *sijil* ini jika tuntutan disebabkan oleh bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri oleh orang yang diinsuranskan dalam tempoh 1 tahun dari *tarikh permulaan* yang dinyatakan dalam *sijil*.

Pengecualian ini dipakai tanpa mengira keadaan mental orang yang diinsuranskan.

Namun begitu, jika kematian berlaku, kami akan mengelak *sijil* ini dan memulangkan *premium* yang telah dibayar, tanpa faedah.

**Kami tidak akan melindungi sebarang tuntutan yang berkaitan dengan tindakan menyalahi undang-undang**

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah *sijil* ini jika tuntutan disebabkan oleh orang yang diinsuranskan bertindak menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

**Kami tidak akan melindungi tuntutan yang berkaitan dengan peperangan**

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah *sijil* ini jika tuntutan disebabkan oleh:

- peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- rampasan kuasa;
- revolusi;
- rusuhan; atau
- apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.



---

## Risiko yang kami tidak lindungi untuk manfaat tunai *penghospitalan*

Kami tidak akan membayar manfaat tunai *penghospitalan* harian untuk sebarang *penghospitalan* yang secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian disebabkan atau disebabkan oleh mana-mana perkara berikut.

### Munasabah dan diperlukan dari segi perubatan - kami tidak akan melindungi *penghospitalan* yang tidak munasabah dan tidak diperlukan dari segi perubatan

Rawatan orang yang diinsuranskan adalah munasabah dan diperlukan dari segi perubatan jika rawatan tersebut memenuhi beberapa atau semua kriteria berikut:

- konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan yang biasa untuk ketidakupayaan yang dilindungi
- selaras dengan piawaian amalan perubatan yang baik, penjagaan perubatan profesional yang terkini, dan manfaat perubatan yang terbukti
- tidak boleh diberikan secara munasabah di luar hospital (jika melibatkan orang yang diinsuranskan dimasukkan sebagai pesakit dalam)
- memberi rawatan secara langsung dan berkaitan dengan ketidakupayaan yang dilindungi.

Rawatan adalah tidak munasabah dan tidak diperlukan dari segi perubatan jika rawatan adalah:

- dilakukan untuk kemudahan orang yang diinsuranskan atau pengamal perubatan;
- secara percubaan, bersifat penyiasatan atau penyelidikan;
- untuk kosmetik, pencegahan atau pemeriksaan;
- sesuatu teknologi atau prosedur perubatan yang belum terbukti berkesan berdasarkan amalan perubatan yang mantap; atau
- belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di mana-mana negara orang yang diinsuranskan menerima rawatan.

Untuk penjelasan, situasi-situasi berikut adalah tidak munasabah dan tidak diperlukan dari segi perubatan:

- pendermaan organ dan/atau tisu;
- pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan atau ujian kesihatan;
- rawatan pesakit dalam bagi tujuan diagnostik, rawatan eksperimental, tidak bersampingan dengan rawatan atau diagnosis penyakit atau *kecederaan* orang yang diinsuranskan;
- pembedahan kosmetik, atau pembedahan pilihan yang dilakukan hanya atas pilihan orang yang diinsuranskan;
- pembedahan pertukaran jantina;
- pembedahan pembedahan ralat refraktif;
- sebarang rawatan lain dalam ketiadaan penyakit atau *kecederaan* atau gejala perubatan.

### Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri - kami tidak akan melindungi *penghospitalan* berkaitan dengan bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* jika tuntutan disebabkan oleh bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri oleh orang yang diinsuranskan.

Pengecualian ini terpakai tanpa mengira keadaan mental orang yang diinsuranskan.

### Penyakit sedia ada - kami tidak akan melindungi ketidakupayaan yang dialami oleh orang yang diinsuranskan sebelum *sijil* dimulakan

Kami tidak akan melindungi penyakit sedia ada. Penyakit sedia ada adalah ketidakupayaan yang mempengaruhi orang yang diinsuranskan yang mana dia mempunyai pengetahuan munasabah sebelum *tarikh permulaan sijil*. Kami menganggap orang yang diinsuranskan mempunyai pengetahuan munasabah terhadap penyakit sedia ada jika:

- orang yang diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- seseorang doktor telah memberikan nasihat perubatan atau diagnosis, atau telah mencadangkan penjagaan atau rawatan;



- orang yang diinsuranskan mempunyai atau sebelum ini mempunyai gejala yang jelas dan tepat bagi ketidakupayaan tersebut; atau
- seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut akan mengiktiraf kewujudannya.

### **Sunat - kami tidak akan melindungi sunat**

Kami tidak akan melindungi orang yang diinsuranskan untuk:

- sunat
- sebarang pembedahan pada kulup

### **Rawatan pergigian - kami tidak akan melindungi rawatan pergigian, kecuali rawatan yang diperlukan selepas *kecederaan kemalangan***

Kami tidak akan melindungi sebarang berikut:

- Penjagaan gigi
- Pembedahan gigi

Namun begitu, kami akan melindungi rawatan yang diperlukan oleh orang yang diinsuranskan akibat *kecederaan* dari *kemalangan* yang berlaku semasa *sijil* berkuat kuasa.

### **Kehamilan, kelahiran anak, ketidaksuburan dan impotensi – kami tidak akan melindungi kehamilan, kelahiran anak dan keadaan atau rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, ketidaksuburan dan impotensi**

Kami tidak akan melindungi sebarang berikut:

- kelahiran anak (sama ada pembedahan atau sebaliknya)
- komplikasi yang timbul daripada kehamilan, seperti keguguran bayi
- proses pengguguran bayi
- penjagaan sebelum atau selepas bersalin
- kaedah kontraseptif untuk perancang keluarga
- rawatan ketidaksuburan
- impotensi dan komplikasinya

### **Gangguan tidur atau dengkur – kami tidak akan melindungi gangguan tidur atau dengkur**

Kami tidak akan melindungi orang yang diinsuranskan yang sedang menjalani penyiasatan, rawatan, terapi alternatif atau rawatan alternatif untuk gangguan tidur atau dengkur.

### **Penyakit mental – kami tidak akan melindungi gangguan mental atau saraf, kecuali yang disenaraikan di bawah**

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* akibat gangguan mental atau saraf.

Ini termasuk psikosis, neurosis dan kesannya terhadap badan atau minda orang yang diinsuranskan.

Pengecualian untuk ini adalah penyakit mental yang dinyatakan dalam senarai penyakit kritikal seperti berikut:

- gangguan kemurungan utama (MDD);
- skizofrenia; dan
- gangguan bipolar.

### **HIV, AIDS dan penyakit yang memerlukan kuarantin - kami tidak akan melindungi HIV, AIDS, penyakit berkaitan HIV atau penyakit yang memerlukan kuarantin orang yang diinsuranskan, kecuali yang disenaraikan di bawah**

Kami tidak akan melindungi orang yang diinsuranskan bagi penyakit yang berpunca daripada HIV, penyakit berkaitan HIV, AIDS, penyakit kelamin dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang.

Pengecualian untuk ini adalah penyakit berkaitan HIV seperti yang dinyatakan dalam senarai penyakit kritikal seperti berikut:

- jangkitan HIV melalui transfusi darah;
- jangkitan HIV dijangkiti melalui pekerjaan; dan
- AIDS dengan gejala penuh.



## **Gangguan / keadaan ketidakupayaan kongenital – kami tidak akan melindungi kecacatan dan penyakit yang muncul sebelum umur 17 tahun**

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* akibat keabnormalan kongenital, penyakit atau keadaan keturunan yang berlaku, wujud, atau didiagnosis sebelum orang yang diinsuranskan mencapai umur 17 tahun.

## **Radiasi - kami tidak akan melindungi *penghospitalan* berkaitan dengan radioaktiviti daripada bahan api atau sisa nuklear**

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* berkaitan dengan radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada bahan api nuklear atau sisa nuklear.

## **Dadah dan alkohol – kami tidak akan melindungi *penghospitalan* yang berkaitan dengan dadah, alkohol atau asap**

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* yang berlaku semasa orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh:

- alkohol;
- narkotik;
- dadah; atau
- racun

Kami juga tidak akan melindungi *penghospitalan* yang berpunca daripada penyedutan gas atau asap.

## **Sukan berbahaya – kami tidak akan melindungi *penghospitalan* akibat daripada sukan dan aktiviti berbahaya**

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* yang berpunca daripada sukan berbahaya, sukan professional atau aktiviti haram. Sukan berbahaya termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- semua jenis perlumbaan (kecuali menggunakan kaki)
- terjun payung
- luncur air

- aktiviti bawah air yang memerlukan alat pernafasan
- sukan musim sejuk

## **Penerbangan dan sukan udara – kami tidak akan melindungi *penghospitalan* berkaitan dengan aktiviti penerbangan, kecuali sebagai penumpang atau ahli krew**

Kami tidak akan melindungi sebarang *penghospitalan* yang berpunca daripada penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan, melainkan orang yang diinsuranskan berada pada laluan biasa yang dioperasikan oleh syarikat penerbangan komersial berlesen sebagai:

- penumpang yang membayar tambang; atau
- ahli krew.

Kami juga tidak akan melindungi sukan udara. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- terjun udara
- terjun payung
- lompat bungee
- geluncur angin
- penerbangan belon.





# Penyakit Kritikal yang kami lindungi

Bahagian ini mentakrifkan penyakit kritikal yang kami lindungi di bawah Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal dalam *polisi induk*.

## 1

### Penyakit Alzheimer/ demensia teruk

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh penyakit Alzheimer atau demensia teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang *tidak boleh pulih*.

Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan fungsi mental dan sosial yang ketara dan memerlukan pengawasan berterusan ke atas orang yang diinsuranskan.

Diagnosis ini mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neurologi.

⊗ Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Kecelaruan otak bukan organik, seperti neurosis dan penyakit psikiatrik
- Kerosakan otak yang berkaitan dengan dadah atau alkohol

## 2

### Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari

Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

⊗ Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Prosedur penyiasatan intra-arteri

## 3

### Sindrom apallik

Nekrosis universal korteks otak dengan batang otak tetap utuh. Diagnosis mesti disahkan oleh pakar neurologi dan keadaannya mesti didokumentasikan secara perubatan sekurang-kurangnya 1 bulan.



## 4

### Meningitis bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan *aktiviti kehidupan harian*

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya 3 daripada *aktiviti kehidupan harian*. *Tempoh penilaian* minimum selama 30 hari adalah digunakan.

Diagnosis mestilah disahkan oleh:

- kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar; dan
- seorang doktor pakar yang bersesuaian



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- bentuk meningitis yang lain-lain, termasuk meningitis viral

## 5

### Tumor otak benign - keterukan tertentu

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi.

- Ia mengancam nyawa
- Ia menyebabkan kerosakan otak
- Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan *defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal yang berterusan*
- Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Sista
- Granuloma
- Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak
- Hematoma
- Tumor di dalam kelenjar pituitari
- Tumor di dalam tulang belakang
- Tumor pada saraf akustik

## 6

### Buta - kekal dan tidak boleh pulih

Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat *kemalangan* atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.



## 7

### Penyakit Darah

#### Talasemia Major (Anemia Cooley)

Diagnosis pasti talasemia B major yang membawa kepada anemia yang teruk. Diagnosis mesti dibuat oleh pakar dengan kromatografi cecair berprestasi tinggi (HPLC) atau elektroforesis Hemoglobin.

Orang yang diinsuranskan mesti memerlukan semua rawatan:

- Pemindahan darah yang kerap
- Terapi pengkelat besi
- Pemindahan sel stem hemopoietik (HSCT)

Ia mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 3 *aktiviti kehidupan harian* dan *tempoh penilaian* minimum selama 3 bulan adalah digunapakai.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Talasemia alfa
- Talasemia Beta Intermedia
- Talasemia beta minor
- Anemia hemolitik lain yang diwarisi (kekurangan piruvat kinase, glukosa-6-fosfat dehidrogenase(G6PD))
- Anemia kekurangan zat besi

## 8

### Pembedahan otak

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Prosedur lubang gerudi
- Prosedur transfenoid
- Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum
- Pembedahan otak akibat kemalangan



## 9

### Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.



#### Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
  - pra-malignan
  - bukan invasive
  - karsinoma in situ
  - mempunyai malignan pinggir (borderline)
  - mempunyai potensi malignan
- Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3
- Semua kanser dengan kewujudan HIV
- Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan

## 10

### Kardiomiopati - keterukan tertentu

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel *kekak* dan menyebabkan kerosakan fizikal *kekak* pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom- simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.



#### Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah



11

## Anemia aplastik kronik - mengakibatkan kegagalan *kekal* sumsum tulang

Kegagalan *kekal* dan *tidak boleh pulih* sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya 2 daripada rawatan berikut:

- Tranfusi produk darah berkala
- Agen perangsang sumsum
- Agen imunosupresif
- Transplan sumsum tulang

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

12

## Pankreatitis berulang kronik

Lebih daripada 3 serangan pankreatitis akut berulang yang menyebabkan disfungsi pankreas *kekal* dan mengakibatkan mal-absorpsi usus (lemak tinggi dalam najis) atau kencing manis.

Diagnosis mestilah dibuat oleh seorang pakar gastroenterologi dan disahkan melalui Kolangiopankreatografi Retrogradi Endoskopik (ERCP).



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Pankreatitis berulang kronik yang disebabkan oleh pengambilan alkohol atau penyalahgunaan dadah

13

## Penyakit Kulit Kronik

### Psoriasis Kronik

Diagnosis jelas terhadap penyakit imun sistemik psoriasis yang membawa kepada plak kulit yang berterusan dan berulang dengan kehadiran pengelupasan kulit yang teruk, pruritus, kulit kering dan eritema (kemerahan kulit).

Diagnosis ini mesti disahkan oleh pakar di mana semua kriteria berikut dipenuhi:

- Penglibatan Kawasan Permukaan Badan (BSA)  $\geq$  30%
- Memerlukan rawatan fototerapi dengan terapi sistemik atau biologi.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Psoriasis plak kronik yang teruk berkaitan secara langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah

### Pemphigus Vulgaris

Diagnosis Pemphigus Vulgaris kronik, *tidak boleh pulih* dan berulang oleh pakar, memerlukan rawatan berterusan dengan glukokortikoid sistemik atau imunosupresan. Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi kulit dan kehadiran auto-antibodi PV dalam darah.

Diagnosis mesti disokong oleh semua perkara berikut.

- Penglibatan mukosa kronik (mulut dan/atau alat kelamin)
- Imunosupresan jangka panjang.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Pemphigus Vulgaris yang berkaitan secara langsung dengan penyalahgunaan dadah
- Jenis pemphigus lain



## Sindrom Steven-Johnson (SJS) atau Necrolysis Epidermal Toksik (TEN)

Penyakit kulit yang serius dengan penampilan kelembutan mukokutaneus, eritema dan pengelupasan kulit yang meluas, dengan kerosakan yang meluas pada membran mukus mulut, mata dan alat kelamin. Diagnosis mesti disahkan oleh Pakar Dermatologi dan disokong oleh biopsi kulit.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Pemfigus vulgaris
- Pemfigoid bulosa atau sindrom kulit melecur staphylococcal (SSSS)
- Dermatitis bulosa IgA linear
- Pemfigus paraneoplastik
- Lupus kulit akut atau subakut dengan nekrosis epidermis (sindrom Rowell)
- Sindrom Steven-Johnson (SJS) atau Necrolysis Epidermal Toksik (TEN) dengan kehadiran jangkitan HIV

## 14

### Koma – mengakibatkan *defisit neurologi kekal* dengan *simptom klinikal yang berterusan*

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya 96 jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan *defisit neurologi kekal* dengan *simptom klinikal yang berterusan*. Tempoh *penilaian* minimum selama 30 hari adalah digunapakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah

## 15

### Pembedahan pintasan arteri koronari

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat penyakit arteri koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Angioplasti
- Teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter
- Prosedur lubang kunci (keyhole)
- Prosedur laser



16

## Penyakit Creutzfeldt-Jakob (penyakit lembu gila)

Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau Varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob di mana terdapat defisit neurologi yang berkaitan disertai dengan tanda-tanda dan gejala ketidakfungsian cerebellar, demensia progresif yang serius, kekejangan otot yang tidak terkawal, gegaran dan athetosis.

Diagnosis mestilah disahkan oleh pakar neurologi berdasarkan penemuan Electroencephalography (EEG) dan Cerebrospinal Fluid (CSF) konklusif serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Magnetic Resonance Imaging (MRI).



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Penyakit yang disebabkan oleh rawatan hormon tumbesaran manusia

17

## Pekak - kekal dan tidak boleh pulih

Hilang upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

18

## Elephantiasis

Elephantiasis adalah hasil dan komplikasi filariasis, yang dicirikan oleh pembengkakan besar-besaran pada tisu badan akibat peredaran terhalang berkekalan pada saluran limfa, mengakibatkan ketidakupayaan kekal/orang yang diinsuranskan untuk melakukan sekurang-kurangnya 3 dari aktiviti kehidupan harian yang disenaraikan.

“Diagnosis” yang jelas mengenai elephantiasis mestilah disahkan secara klinikal oleh seorang “Pakar” dalam penyakit berjangkit atau “Pakar” dalam bidang yang relevan termasuklah pengesahan makmal bagi mikrofilaria.



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Limfoedema yang disebabkan oleh jangkitan penyakit kelamin, trauma, kanser, parut pasca operasi, kegagalan jantung kongestif, radiasi atau keabnormalan sistem limfa kongenital

19

## Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsi kekal. Kecacatan fungsi kekal/mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya 3 aktiviti kehidupan harian. Tempoh penilaian minimum selama 30 hari adalah digunapakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV



20

## Kegagalan hati tahap akhir

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- Jaundis *kekal*
- Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal)
- Ensefalopati hepatic



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah

21

## Penyakit paru-paru tahap akhir

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik.

Orang yang diinsuranskan mesti memenuhi semua kriteria berikut.

- Keperluan rawatan oksigen berkala secara *kekal*;
- Gangguan *kekal* pada fungsi paru-paru dengan isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada 1 liter pada saat pertama
- Sesak nafas dalam keadaan rehat
- Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang

22

## AIDS dengan gejala penuh

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibody HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, orang yang diinsuranskan perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada 200/ $\mu$ L dan memenuhi satu atau lebih kriteria berikut.

- Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh 6 bulan atau tempoh kurang daripada 6 bulan (sindrom susut badan)
- Sarkoma Kaposi
- Radang Paru-Paru *Pneumocystis Carinii*
- Leukoensefalopati multifokal progresif
- Tuberkulosis (batuk kering) aktif
- Kurang daripada 1000 Limfosit/ $\mu$ L
- Limfoma Malignan

23

## Hepatitis viral fulminan

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen
- Nekrosis melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum
- Ujian kefungsi hati yang semakin merosot
- Jaundis yang semakin mendalam



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas



## 24

### Serangan jantung - keterukan tertentu

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- Sejarah sakit dada tipikal
- Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri
- Peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
  - Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium > / = 0.5 ng/ml

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana mesti disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil
- peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari

## 25

### Pembedahan injap jantung

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau memperbaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri
- Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa

## 26

### Jangkitan HIV melalui transfusi darah

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi.

- Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan
- Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas *tarikh permulaan sijil*
- Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV
- Orang yang diinsuranskan tidak menghidap hemofilia
- Orang yang diinsuranskan bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena



27

## Kegagalan buah pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik *tidak boleh pulih* pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

28

## Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan *kekal* untuk melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada *aktiviti kehidupan harian*. *Tempoh penilaian* minimum selama 6 bulan adalah digunapakai.

29

## Hilang keupayaan bertutur

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, *kekal* dan *tidak boleh pulih* disebabkan oleh *kecederaan* atau penyakit. *Tempoh penilaian* minimum selama 6 bulan adalah digunapakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan *kecederaan* atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Semua sebab yang berkaitan psikiatrik

30

## Trauma kepala major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan *kekal* untuk melakukan *aktiviti kehidupan harian*

*Kecederaan* fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan *kekal* terhadap fungsi yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan *kekal* fungsi mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya 3 daripada *aktiviti kehidupan harian*. *Tempoh penilaian* minimum selama 3 bulan digunapakai. Ia mesti disokong dengan penemuan yang tegas melalui Pengimejan Resonan Magnet, Tomografi Berkomputer atau teknik pengimejan yang dipercayai.

31

## Transplan organ utama/sumsum tulang

Penerimaan pemindahan sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh atau salah satu daripada organ-organ manusia berikut yang disebabkan oleh kegagalan organ berkenaan tahap akhir yang *tidak boleh pulih*.

- Jantung
- Paru-paru
- Hati
- Buah pinggang
- Pankreas



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Pemindahan sel stem lain

32

## Penyakit sistik medular

Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrosis intestitial dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan buah pinggang kronik. Diagnosis mestilah disokong dengan biopsi buah pinggang.



## Penyakit Mental

### Gangguan Kemurungan Utama (MDD)

Gangguan Kemurungan Utama (MDD) ialah gangguan mental yang dicirikan oleh perasaan sedih yang berterusan, kosong dan mudah marah, bersama-sama dengan kehilangan minat, dengan kesusahan atau kemerosotan yang ketara secara klinikal dalam bidang sosial, pekerjaan atau fungsi penting lain.

Diagnosis MDD yang jelas mesti memenuhi semua kriteria berikut.

- Diagnosis MDD mesti disahkan oleh pakar psikiatri berdasarkan kriteria Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM-5), atau mana-mana kemas kini DSM-5 berikutnya atau kriteria alternatif yang menggantikan DSM-5
- Keterukan tertentu yang diperlukan oleh definisi mesti memenuhi bilangan simptom kriteria dan tahap ketidakupayaan fungsi yang konsisten dengan episod teruk seperti yang ditakrifkan oleh DSM-5 atau penentu Diagnostik Edisi DSM yang paling terkini
- Orang yang diinsuranskan mestilah telah menjalani terapi electroconvulsive (ECT), yang mesti dikendalikan oleh pakar psikiatri
- Orang yang diinsuranskan mestilah telah menerima ubat khusus untuk merawat MDD tanpa gangguan untuk tempoh sekurang-kurangnya 180 hari selepas diagnosis.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Kemurungan yang disebabkan oleh kehadiran penyalahgunaan dadah atau bahan (termasuk alkohol)
- Gangguan Penyesuaian dengan Mood Tertekan

### Skizofrenia

Skizofrenia adalah gangguan mental yang dicirikan oleh gangguan utama dalam fungsi kognitif, emosi dan tingkah laku.

Diagnosis yang jelas mesti memenuhi semua kriteria berikut.

- Diagnosis Skizofrenia mesti disahkan oleh pakar psikiatri berdasarkan kriteria Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM-5), atau mana-mana kemas kini DSM-5 berikutnya atau kriteria alternatif yang menggantikan DSM-5
- Mesti telah menerima terapi ubat antipsikotik tanpa gangguan untuk tempoh sekurang-kurangnya 180 hari selepas diagnosis.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Gangguan skizofrenia yang disebabkan oleh kehadiran penyalahgunaan dadah atau bahan (termasuk alkohol)



## Gangguan Bipolar

Gangguan Bipolar ialah gangguan mental yang juga dinamakan sebagai penyakit manic-depressive, yang menyebabkan perubahan melampau dalam mood, tahap tenaga, aktiviti dan kesusahan atau kemerosotan yang ketara secara klinikal dalam aspek sosial, pekerjaan atau aspek penting lain dalam fungsi seharian.

Diagnosis yang jelas mesti memenuhi semua kriteria berikut.

- Diagnosis Gangguan Bipolar mesti disahkan oleh pakar psikiatri berdasarkan kriteria Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM-5), atau mana-mana kemas kini DSM-5 berikutnya atau kriteria alternatif yang menggantikan DSM-5
- Orang yang diinsuranskan mestilah telah menerima terapi ubat khusus, iaitu penstabil mood atau antipsikotik atau antidepresan atipikal, tanpa gangguan untuk tempoh sekurang-kurangnya 180 hari selepas diagnosis



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Gangguan bipolar yang disebabkan oleh kehadiran penyalahgunaan dadah atau bahan (termasuk alkohol)

## 34

### Penyakit neuron motor - mengakibatkan *defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan*

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada *defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan*.

## 35

### Sklerosis multipel

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah sklerosis multipel
- Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya 6 bulan
- Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Sebab kerosakan neurologi lain seperti Lupus Eritematosus Sistemik dan HIV

## 36

### Distrofi otot

Diagnosis muktamad distrofi otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif
- Tiada penglibatan saraf tengah / periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor
- Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Distrofi otot sebelum orang yang diinsuranskan mencapai umur 12 tahun



37

## Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui pekerjaan

Jangkitan virus kurang daya tahan manusia (hanya sekiranya orang yang diinsuranskan merupakan kakitangan perubatan seperti yang didefinisikan di bawah), di mana ia dijangkiti akibat *kemalangan* yang berlaku semasa menjalankan tugas pekerjaan yang biasa dengan serokonversi (penukaran serum) kepada jangkitan HIV yang berlaku dalam tempoh 6 bulan dari *kemalangan*.

Anda perlu melaporkan sebarang *kemalangan* yang mengakibatkan tuntutan yang berpotensi kepada kami dalam masa 30 hari selepas *kemalangan* berlaku. Ini perlu disokong oleh ujian HIV negatif yang diambil dalam masa 7 hari selepas *kemalangan*.

Kami mentakrifkan 'kakitangan perubatan' sebagai mana-mana pekerja berikut yang bekerja di pusat perubatan, hospital, atau klinik pergigian/polyklinik di Malaysia.

- Doktor (Doktor Perubatan Umum dan Doktor Pakar)
- Pengamal perubatan tradisional
- Jururawat
- Paramedik
- Juruteknik makmal
- Doktor dan jururawat pergigian
- Pekerja ambulans

Doktor, pengamal perubatan, jururawat dan doktor pergigian mestilah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

38

## Kelumpuhan anggota

Kehilangan penggunaan kedua-dua lengan atau kedua-dua kaki atau 1 lengan dan 1 kaki secara menyeluruh, *kekal* dan *tidak boleh pulih*, melalui kelumpuhan yang disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. *Tempoh penilaian* minimum 6 bulan adalah digunapakai.

39

## Penyakit parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan *kekal* untuk melakukan *aktiviti kehidupan harian*

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi. Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi.

Diagnosis mesti memenuhi semua syarat berikut:

- Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan
- Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif
- Pengesahan ketidakupayaan *kekal* orang yang diinsuranskan untuk melakukan 3 atau lebih daripada *aktiviti kehidupan harian* tanpa bantuan



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Parkinson yang disebabkan oleh dadah atau toksik

40

## Poliomielitis

Kejadian poliomielitis di mana syarat berikut dipenuhi:

- Poliovirus dikenal pasti sebagai penyebabnya
- Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mesti ada dan berterusan sekurang-kurangnya 3 bulan



## 41

### Hipertensi arteri pulmonari primer - keterukan tertentu

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal *kekal* sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III NYHA bagi kerosakan jantung. Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut.

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom- simptom
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom- simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain

## 42

### Scleroderma progresif

Scleroderma progresif penyakit kolagen-vaskular sistemik yang menyebabkan fibrosis meresap progresif pada kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mesti disokong secara jelas dengan bukti biopsi dan serologi dan gangguan itu mesti mencapai tahap sistemik untuk melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Scleroderma setempat (scleroderma linear atau morfea)
- Fositis eosinofilik
- Sindrom CREST



## Penyakit Rheumatoid

### Rheumatoid Arthritis (RA) peringkat akhir atau Arthritis Rheumatoid Teruk dengan kecacatan dan ketidakupayaan yang besar

Diagnosis jelas bagi Arthritis Rheumatoid Teruk yang membawa kepada kecacatan sendi *kekal* yang disahkan oleh pakar rheumatologi dan disokong oleh penemuan pada radiograf biasa, ultrasound muskuloskeletal atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Diagnosis mesti disokong oleh semua perkara berikut.

- Memenuhi kriteria diagnostik Klasifikasi Rheumatoid Arthritis oleh American College of Rheumatology (ACR) dengan skor  $\geq 6$ .
- Kemusnahan sendi yang meluas dan kecacatan klinikal utama 3 atau lebih kawasan sendi berikut:
  - tangan
  - pergelangan tangan
  - siku
  - lutut
  - pinggul
  - buku lali
  - tulang belakang serviks
  - kaki
- Ia mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 3 *aktiviti kehidupan harian*, dan *tempoh penilaian* minimum 6 bulan adalah digunakan.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Arthritis idiopatik permulaan juvana
- Arthritis psoriatik
- Osteoarthritis radang erosif
- Gout poliartikular
- Arthritis berkaitan dengan jangkitan
- Sistemik lupus eritematosus

### Gout Tophaceous Kronik dengan komplikasi

Diagnosis jelas Gout Tophaceous Kronik dengan kehadiran tophi subkutaneus dan membawa kepada kecacatan sendi *kekal* yang disahkan oleh pakar rheumatologi dan disokong oleh penemuan pada radiograf biasa, ultrasound muskuloskeletal atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Diagnosis mesti disokong oleh semua perkara berikut.

- Memenuhi kriteria diagnostik Klasifikasi Gout oleh American College of Rheumatology (ACR) dengan skor  $\geq 8$ .
- Mengakibatkan ketidakupayaan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 3 *aktiviti kehidupan harian*, dan *tempoh penilaian* minimum 6 bulan adalah digunakan.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Arthritis septik
- Rheumatoid arthritis
- Gout akut
- Hiperurisemia tanpa gejala
- Arthritis hablur kalsium pirofosfat akut
- Psoriatic arthritis
- Arthritis reaktif

## Ankylosing Spondylitis yang teruk dengan komplikasi

Sejenis arthritis yang menyebabkan keradangan antara vertebra dan pada sendi antara tulang belakang dan pelvis. Diagnosis mesti dibuat oleh pengamal perubatan pakar dan dibuktikan dengan penemuan tipikal dalam MRI, CT atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Keadaan ini mesti berkembang ke tahap salah satu komplikasi.

- Hiperkifosis
- Uveitis anterior
- Kesukaran bernafas

Ia mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 3 *aktiviti kehidupan harian*, dan *tempoh penilaian* minimum 6 bulan adalah digunapakai.

## Gangguan Tisu Penghubung Campuran (MCTD)

Diagnosis gangguan autoimun yang teruk, *tidak boleh pulih* dan *kekal* yang mempunyai 3 ciri yang dikaitkan dengan penyakit tisu penghubung ini, seperti lupus erythematosus sistemik, skleroderma, dan polimiositis.

Diagnosis mesti disahkan oleh pakar rheumatologi dan disokong dengan jelas oleh bukti serologi.

## 44

### Penyakit arteri koronari serius

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum 60% dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah dikecualikan).

Penyempitan sebanyak 60% atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks. Manfaat ini dibayar tanpa mengira sama ada apa-apa bentuk pembedahan arteri koronari pernah dilaksanakan, atau tidak.

## 45

### Strok/angin ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan *defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan*. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. *Tempoh penilaian* minimum selama 3 bulan adalah digunapakai.



Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Serangan iskemia sementara (TIA)
- Simptom-simptom serebrum yang disebabkan oleh migrain
- *Kecederaan* traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah
- Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optic atau fungsi-fungsi vestibular



46

## Pembedahan aorta

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membaiki atau membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta.

'Aorta' merujuk kepada aorta torasik dan aorta abdomen tetapi bukan cabang-cabangnya.



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Angioplasti
- Lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter
- Prosedur lubang kunci yang lain
- Prosedur laser

47

## Lupus eritematosus sistemik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk

Diagnosis muktamad lupus eritematosus sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi. Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi hanya akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi buah pinggang.

Klasifikasi Lupus oleh WHO (World Health Organisation):

- Jenis III – Glomerulonefritis Segmen Fokus
- Jenis IV – Glomerulonefritis Resap
- Jenis V – Glomerulonefritis Membran



**Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:**

- Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau bentuk lain dengan penglibatan hematologi atau sendi sahaja

48

## Penyakit terminal

Diagnosis muktamad sesuatu keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian orang yang diinsuranskan dalam tempoh 12 bulan. Orang yang diinsuranskan mestilah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada untuk melegakan kesakitan. Diagnosis ini mestilah disokong dengan pengesahan bertulis daripada doktor pakar yang bersesuaian dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh kami.

49

## Kelecuran tahap ketiga - keterukan tertentu

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah kawasan permukaan badan.



# Permulaan dan penamatan perlindungan insurans



Bahagian ini menjelaskan bila setiap *sijil* bermula dan macam mana *sijil* ini mungkin tamat. Bahagian ini juga menjelaskan terma bagi tempoh pengamatan percuma selama 15 hari.

## Bila *sijil* dan perlindungan bermula

Setiap *sijil* berkuat kuasa dari *tarikh permulaan sijil* dan berkuat kuasa selama 2 tahun sekali. Bermula dari tarikh tersebut, terma dan syarat dalam *polisi induk* ini terpakai.

Perlindungan insurans berkuat kuasa untuk 2 tahun sekali dari *tarikh permulaan sijil* atau sebarang *endorsan* hingga *tarikh tamat tempoh sijil*. Bermula dari tarikh tersebut, kami akan menawarkan perlindungan dan manfaat yang diterangkan dalam *polisi induk* ini.

Insurans tidak akan mula selain perkara-perkara ini berlaku:

- *Sijil* diberikan apabila orang yang diinsuranskan masih hidup dan sihat.
- *Premium* pertama untuk insurans telah dibayar.
- Kami akan menjalankan *penilaian pelanggan* atas orang yang diinsuranskan. Ini adalah untuk mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Penyebaran Senjata Pemusnah dan Sekatan Kewangan disasarkan bagi Institusi Kewangan (AML/CFT/CPF dan TFS untuk FIs). *Penilaian pelanggan* akan dilakukan dalam tempoh 30 hari dari *tarikh dikeluarkan* yang dinyatakan dalam *sijil*. Penilaian adalah memuaskan jika 30 hari telah lalu dan kami tidak menghantar notis penolakan. Namun begitu, jika kami tidak menerima keputusan penilaian, perlindungan insurans akan ditolak.

Jika perlindungan insurans ditolak, kami akan menghantar notis penolakan kepada *pemilik sijil* dalam tempoh 30 hari dari *tarikh dikeluarkan* yang dinyatakan dalam *sijil* dan memulangkan sebarang *premium* yang telah dibayar tanpa faedah.

## Tempoh pengamatan percuma – *pemilik sijil* boleh membatalkan *sijil* dalam tempoh 15 hari pertama tanpa sebarang caj

*Pemilik sijil* mempunyai tempoh pengamatan percuma selama 15 hari. Ini bermakna *pemilik sijil* boleh membatalkan *sijil* dengan memulangkannya kepada kami dalam tempoh 15 hari pertama selepas menerimanya dan kami akan memulangkan sebarang jumlah *premium* yang telah dibayar, tanpa faedah.

*Pemilik sijil* boleh menulis kepada kami untuk membatalkan *sijil* pada bila-bila masa. Kami akan memulangkan peratusan *premium* kepada *pemilik sijil* dengan syarat tiada tuntutan dibuat untuk *sijil* ini pada *tahun sijil* semasa. Amaun pemulangan *premium* adalah berdasarkan tempoh penguat kuasa *sijil* tersebut.



Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan <i>Premium</i> Tahunan (%)
15 hari*	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Pemulangan

\*Tidak terpakai bagi *tahun sijil* pertama.

## Bila *sijil* tamat

*Sijil* boleh ditamatkan melalui beberapa kaedah yang berbeza. Sila rujuk bahagian yang berkaitan untuk maklumat lanjut atas setiap kaedah yang *pemilik sijil* atau kami boleh menamatkan *sijil*.

*Sijil* akan tamat apabila salah satu perkara berikut berlaku pertama kali:

- Kami telah membayar Manfaat Kematian akibat Bukan *Kemalangan* (rujuk **halaman 8**)
- Kami telah membayar Manfaat Kematian akibat *Kemalangan* (rujuk **halaman 8**)
- Pada *tarikh tamat tempoh* seperti yang dinyatakan dalam *sijil* atau sebarang *endorsan* yang terpakai, yang meminda *tarikh tamat tempoh*
- *Pemilik sijil* membatalkan *sijil* (setelah kami meluluskan pembatalan)
- *Pemilik sijil* tidak membayar *premium* pada akhir tempoh tenggang
- Orang yang diinsuranskan memilih perkerjaan yang berisiko yang kami tidak melindungi. Jika perkara ini berlaku, kami akan memulangkan premium yang telah dibayar tanpa faedah dari tarikh mereka telah memulakan perkerjaan berisiko.



# Membuat perubahan kepada *polisi induk*



Kami boleh mengubah beberapa aspek kepada *polisi induk* ini.



Jika kami mengubahsuai sebarang terma dan syarat *polisi induk* ini, kami akan menghantar anda *endorsan*, yang mencatatkan perubahan dan ia akan menjadi sebahagian kontrak insurans anda dengan kami.

---

## Perubahan yang kami boleh buat kepada *polisi induk* atau *sijil*

Kami boleh membuat perubahan, semakan, atau pindaan kepada *polisi induk* atau *sijil* dengan memberitahu anda atau *pemilik polisi* secara bertulis 30 hari terlebih dahulu.

Kami boleh membuat perubahan akibat pengenalan undang-undang, arahan, peraturan-peraturan baru atau mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan.

### Perubahan memerlukan *endorsan*

Tiada perubahan atau penepian untuk mana-mana terma dan syarat dalam *polisi induk* atau *sijil* adalah sah melainkan kami memberitahu anda atau *pemilik polisi* secara bertulis 30 hari terlebih dahulu dan merekod dalam *endorsan*.



# Tanggungjawab *pemilik sijil* di bawah *polisi induk*



Bahagian ini menjelaskan tanggungjawab *pemilik sijil* dalam *polisi induk* ini. Setiap tanggungjawab ini diperincikan di bawah. *Pemilik sijil* mesti:

- membayar *premium* tepat pada masanya
- memaklumi kami tentang tuntutan dalam tempoh 30 hari
- memberi bukti semasa membuat tuntutan
- bermastautin di Malaysia semasa *sijil* bermula
- memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada kami
- memberitahu kami jika perkerjaan dia berubah

## Bagaimana pemilikan *polisi induk* berfungsi

Sebagai *pemilik polis induk* yang dinyatakan dalam *polisi induk* ini dan *sijil*, dan tertakluk kepada sebarang *endorsan* yang mengubah pemilikan, anda memiliki *polisi induk* ini.

Ini bermaksud anda boleh membuat keputusan untuk tidak menawarkan produk ini kepada ahli baru yang layak dengan memberi notis bertempoh 30 hari sebelum tarikh pemberhentian tawaran berkuat kuasa. Kami juga mempunyai hak yang sama seperti anda.

Sebagai *pemilik sijil* yang dinyatakan dalam *sijil*, dan tertakluk kepada sebarang *endorsan* yang mengubah pemilikan, *pemilik sijil* memiliki *sijil*.

Ini bermaksud sepanjang tempoh hidup orang yang diinsuranskan, seperti yang dinyatakan dalam *sijil*, hanya *pemilik sijil* mempunyai hak untuk melaksanakan semua hak atau keistimewaan di bawah *sijil*, dan tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan.

## Siapa yang dilindungi di bawah *polisi induk* ini

Untuk mendapatkan insurans di bawah *polisi induk* ini, orang tersebut harus merupakan *ahli yang layak* pada atau selepas *tarikh permulaan* seperti yang dinyatakan dalam *sijil*.





## **Pemilik sijil boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Kematian**

*Pemilik sijil* boleh menamakan orang lain untuk menerima bayaran Manfaat Kematian dengan mengisi borang penamaan. Jika mereka membuat demikian, kami akan membayar orang yang dinyatakan dalam borang penamaan, selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau sebarang undang-undang lain yang terpakai di Malaysia.

*Pemilik sijil* boleh menukar penama atau penama-penama pada bila-bila masa dengan mengisi borang penamaan, tetapi permintaan tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang dan mana-mana keperluan undang-undang lain yang berkaitan.

### **Jika *pemilik sijil* bukan beragama Islam, menamakan ahli keluarga tertentu boleh mewujudkan amanah untuk Manfaat Kematian**

Jika *pemilik sijil* bukan beragama Islam dan menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Kematian, amanah akan diwujudkan atas nama mereka untuk menerima Manfaat Kematian.

Ini terpakai jika penama *pemilik sijil* adalah:

- pasangan atau anak; atau
- ibu bapa, jika *pemilik sijil* tiada pasangan atau anak yang hidup semasa *pemilik sijil* menamakan seseorang.

Sekiranya penama bukan pasangan, anak atau ibu bapa *pemilik sijil*, kami akan membayar Manfaat Kematian kepada penama dalam kapasiti sebagai seorang wasi harta *pemilik sijil*. Ini akan memenuhi kewajipan kami di bawah *sijil* ini.

### **Jika *pemilik sijil* beragama Islam, kami akan membayar penama sebagai wasi**

Sekiranya *pemilik sijil* beragama Islam dan menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Kematian, kami akan membayar Manfaat Kematian kepada penama dalam kapasiti sebagai seorang wasi harta *pemilik sijil*. Ini akan memenuhi kewajipan kami di bawah *sijil* ini.

## ***Pemilik sijil* mesti membayar *premium* tepat pada masanya**

*Pemilik sijil* mesti membayar semua *premium sijil* ini kepada kami secara elektronik, pada atau sebelum tarikh *premium* yang perlu dibayar.

*Pemilik sijil* mesti membayar *premium* dalam mata wang dan jumlah yang dinyatakan dalam *sijil* atau sebarang *endorsan*.

Selepas bayaran *premium* yang pertama, jika *pemilik sijil* gagal untuk membayar *premium* penuh pada atau sebelum setiap *ulang tahun sijil*, ia merupakan kemungkiran dalam pembayaran *premium*.

### **Tempoh Tenggang - *sijil* akan kekal berkuat kuasa selama 31 hari jika *pemilik sijil* belum membayar *premium***

*Pemilik sijil* mempunyai 31 hari dari tarikh *premium* yang perlu dibayar untuk membayar *premium*. Dalam tempoh ini, *sijil* akan kekal menawarkan perlindungan. Sekiranya *pemilik sijil* tidak membayar *premium* pada hujung tempoh tenggang, *sijil* tersebut akan luput.





## ***Pemilik sijil* mesti memaklumi kami tentang tuntutan dalam tempoh 30 hari jika boleh**

*Pemilik sijil* (atau seseorang yang mewakili *pemilik sijil*) mesti memaklumi kami secara bertulis tentang sebarang tuntutan dalam tempoh 30 hari selepas peristiwa tuntutan tersebut.

Kami masih akan mempertimbangkan tuntutan selepas tempoh 30 hari jika *pemilik sijil* boleh menunjukkan bahawa:

- ia adalah tidak munasabah bagi *pemilik sijil* untuk memberi notis dalam tempoh 30 hari; dan
- *pemilik sijil* telah memaklumi kami dengan secepat mungkin.



## ***Pemilik sijil* mesti memberi bukti peristiwa semasa membuat tuntutan**

Dengan perbelanjaan *pemilik sijil*, *pemilik sijil* mesti menghantar bukti peristiwa tuntutan dan sebarang dokumen-dokumen berkaitan yang kami minta dalam tempoh 30 hari selepas *pemilik sijil* memberitahu kami tentang tuntutan tersebut.

Kami boleh meminta *pemilik sijil* untuk menghantar laporan kesihatan selanjutnya atau dokumen-dokumen sokongan yang lain, jika kami perlukan.





## Jadual *Premium* dalam *polisi induk* ini

*Premium* tahunan untuk 18 hingga 57 tahun umur hari jadi berikutnya adalah dinyatakan dalam jadual.

*Premium* tahunan berikut dikenakan kepada lelaki dan juga perempuan.

<i>Premium</i>	RM		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
<i>Premium</i> Tahunan	70	140	175

*Premium* adalah dijamin sepanjang tempoh *sijil* selama 2 tahun. Apabila *sijil* diperbaharui, *premium* pembaharuan adalah tidak dijamin. Ini bermaksud kami boleh mengubah kadar *premium* pada *ulang tahun polisi induk* dengan memberi notis awal secara bertulis dalam tempoh 90 hari. Kami akan mengubah *premium* pada *ulang tahun sijil* yang berikutnya selepas tempoh notis selama 90 hari.

## Kami mengenakan cukai relevan yang dikenakan ke atas *sijil*

Kami akan mengenakan cukai yang relevan kepada *pemilik sijil* yang berhubungan dengan apa-apa barang atau perkhidmatan yang kami membekalkan atau dianggap membekalkan kepada *pemilik sijil* di bawah *sijil*. Ini termasuk:

- sebarang cukai terpakai yang sedia ada, pada kadar semasa
- sebarang duti, cukai, levi atau impos lain yang diperkenalkan pada masa depan di bawah undang-undang Malaysia.



*Pemilik sijil* mesti membayar cukai relevan atas *premium*, yuran, caj atau bayaran tertunggak yang lain.

## Orang yang diinsuranskan mesti bermastautin di Malaysia semasa *sijil* bermula

Orang yang diinsuranskan mesti bermastautin di Malaysia pada *tarikh permulaan sijil*.

Namun begitu, *sijil* ini tidak menyekat kebebasan orang yang diinsuranskan untuk mengembara atau bermastautin di luar Malaysia selepas *tarikh permulaan*.



*Pemilik sijil* mesti memberitahu kami secara bertulis sekiranya orang yang diinsuranskan menjadi pemastautin di mana-mana negara selain daripada Malaysia semasa *sijil* ini berkuat kuasa. Perubahan kediaman mungkin mempengaruhi keupayaan kami untuk meneruskan *sijil* tersebut.

## Dapatkan nasihat yang bebas tentang bagaimana perubahan kediaman akan menjejaskan cukai

*Pemilik sijil* dicadangkan untuk mendapatkan nasihat kewangan atau cukai yang bebas untuk memahami bagaimana perubahan kediaman boleh mempengaruhi pembayaran cukai mereka.

## Apakah yang boleh kami lakukan jika *pemilik sijil* menjadi pembayar cukai di negara lain

Walaupun terdapat klausa lain dalam *polisi induk* ini, jika *pemilik sijil* menjadi pembayar cukai di negara yang lain, dan negara tersebut menetapkan keperluan pematuhan ke atas institusi-institusi kewangan asing melalui undang-undang, kami boleh melakukan mana-mana atau semua perkara berikut.

- Mematuhi permintaan informasi daripada badan-badan kerajaan atau selia kawal;
- Menahan cukai; dan
- Menamatkan *sijil* ini





## Pemilik sijil mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada kami

Kami mengeluarkan *sijil* kepada *pemilik sijil* berdasarkan maklumat material yang diberikan oleh *pemilik sijil* dan *premium* yang dibayar. *Pemilik sijil* harus mengambil perhatian yang munasabah supaya tidak membuat apa-apa salah nyata dalam maklumat material yang diberikan.



Salah nyata adalah apabila *pemilik sijil* memberi kami maklumat yang tidak lengkap atau salah, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

Maklumat yang material merupakan sebahagian daripada *sijil* antara kami dan *pemilik sijil*. Ini termasuk:

- jawapan yang diberikan oleh *pemilik sijil* dalam borang permohonan mereka
- apa-apa maklumat yang didedahkan oleh *pemilik sijil* kepada kami antara masa penghantaran permohonan dan kemasukan *sijil*



*Sijil* ini ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur 18 hingga 55 tahun berdasarkan hari jadi berikutnya. Pemohon yang layak harus berfikiran waras. Semua kumpulan pekerjaan dibenarkan kecuali Kumpulan 5. Untuk merujuk senarai kumpulan pekerjaan, sila lawati <https://www.fwd.com.my/support/faq>.

## Apakah yang berlaku jika *pemilik sijil* memberi kami maklumat yang salah

Kami akan mengelak *sijil* jika *pemilik sijil* melakukan sebarang perkara berikut:

- memberikan apa-apa maklumat yang tidak benar mengenai *pemilik sijil* atau orang yang diinsuranskan di dalam permohonan atau pengisytiharan
- menyatakan secara salah atau mengabaikan mana-mana fakta penting yang mempengaruhi risiko insurans orang yang diinsuranskan
- memperoleh *sijil* atau pembaharuan *sijil* dengan silap nyata, salah nyata, atau menyembunyian maklumat
- membuat sebarang tuntutan secara menipu atau ditokok tambah, atau menyokong tuntutan dengan pengisytiharan atau pernyataan palsu.

## Apa yang berlaku jika *pemilik sijil* salah nyata maklumat sebelum insurans bermula

Sekiranya *pemilik sijil* membuat salah nyata dalam memberi sebarang maklumat material sebelum *sijil* bermula sehingga *sijil* dikeluarkan, kami akan melakukan salah satu yang berikut, berdasarkan jenis dan kesan salah nyata:

- mengelak *sijil* ini dan menolak semua tuntutan yang dibuat oleh *pemilik sijil*
- mengelak *sijil* ini dan menolak semua tuntutan yang dibuat oleh *pemilik sijil*, tetapi memulangkan sebarang *premium* yang telah dibayar oleh *pemilik sijil*
- memulai atau memperbaharui *sijil* ini dengan syarat lain
- mengurangkan jumlah tuntutan yang kami bayar.

## Apa yang berlaku jika orang yang diinsuranskan adalah tidak waras apabila memasuki *sijil*

Jika orang yang diinsuranskan adalah tidak waras semasa mereka memasuki *sijil*, kami akan mengelak *sijil* ini dan menolak semua tuntutan yang dibuat oleh *pemilik sijil*, tetapi memulangkan sebarang *premium* yang telah dibayar oleh *pemilik sijil*.

## Apa yang berlaku jika kami mengelak *sijil*

Jika kami mengelak *sijil*, ini bermaksud kami membatalkannya dan menganggapnya sebagai tidak pernah wujud. Kami juga akan memulang balik, tanpa faedah, sebarang jumlah *premium* yang telah dibayar oleh *pemilik sijil*.



## **Pemilik sijil mesti mengambil perhatian yang munasabah supaya tidak membuat salah nyata semasa pembaharuan atau perubahan**

Sebelum kami memperbaharui atau mengubah *sijil*, kami boleh meminta *pemilik sijil* untuk mengesah atau meminda apa-apa maklumat yang *pemilik sijil* nyatakan kepada kami sebelum ini.



Apabila *pemilik sijil* mengesah atau meminda maklumat, *pemilik sijil* mempunyai tanggungjawab untuk mengambil perhatian yang munasabah supaya tidak salah nyata sebarang maklumat.

## **Pemilik sijil mesti memberitahu kami jika maklumat berubah**

*Pemilik sijil* mesti memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan yang mempengaruhi maklumat:

- yang *pemilik sijil* maklumkan kepada kami sebelum ini; atau
- yang selepas *pemilik sijil* menyerahkan permohonan untuk pembaharuan atau perubahan, tetapi sebelum pembaharuan atau perubahan berkuat kuasa.

## **Kami boleh mengubah manfaat-manfaat atau *premium* jika umur atau jantina orang yang diinsuranskan berbeza daripada permohonan**

Kami mengeluarkan *sijil* berdasarkan umur dan jantina orang yang diinsuranskan yang dinyatakan di dalam *sijil*.

Kami mengira umur orang yang diinsuranskan berdasarkan tarikh lahir yang dinyatakan di dalam borang permohonan. *Pemilik sijil* mesti memberikan kami bukti umur orang yang diinsuranskan sebelum kami membayar apa-apa tuntutan di bawah *polisi induk* ini.

Sekiranya *pemilik sijil* telah memberi kami maklumat yang salah tentang umur atau jantina orang yang diinsuranskan, kami boleh, berdasarkan umur atau jantina mereka yang sebenar:

- mengubah sebarang manfaat-manfaat dalam *sijil*;
- mengenakan *pemilik sijil* dengan *premium* yang sepatutnya; atau
- meminta *pemilik sijil* untuk melengkapkan formaliti tambahan, seperti memberikan bukti umur, selaras dengan sebarang undang-undang yang terpakai.

## **Kami tidak akan mempertikaikan *sijil* berdasarkan maklumat yang salah selepas 2 tahun**

Selepas 2 tahun, kami tidak akan mempertikaikan kesahihan *sijil* atas pernyataan atau ketinggalan adalah tidak tepat, palsu atau mengelirukan dalam dokumen-dokumen berikut yang membawa kepada kami mengeluarkan *sijil*:

- Permohonan untuk insurans
- Sesuatu laporan dari doktor, pakar rujuk atau sesiapa orang lain
- Sebarang dokumen lain

Ini terpakai jika *sijil* telah berkuat kuasa lebih daripada 2 tahun dari *tarikh dikeluarkan*.

Namun begitu, ini tidak terpakai jika:

- pernyataan atau ketinggalan tersebut adalah berkaitan dengan suatu perkara material atau fakta; atau
- *pemilik sijil* atau orang yang diinsuranskan membuat atau meninggalkan pernyataan secara penipuan yang menyembuyikan fakta material.



Perkara atau fakta adalah material jika ia berkaitan dengan keputusan kami untuk melindungi orang yang diinsuranskan, atau kadar dan terma yang kami terpakai untuk perlindungan.





---

## ***Pemilik sijil* mesti memberitahu kami jika orang yang diinsuranskan menukar pekerjaan**

*Pemilik sijil* mesti memberitahu kami jika, semasa *sijil* berkuat kuasa, orang yang diinsuranskan melibatkan diri dalam pekerjaan, perniagaan, atau perusahaan yang baru di mana orang yang diinsuranskan tidak terlibat sebelum ini.

Kami tidak akan melindungi sebarang tuntutan di bawah *sijil* jika orang yang diinsuranskan melakukan salah satu daripada yang berikut tanpa kebenaran kami secara bertulis.

- Melibatkan diri atau bekerja dalam sebarang pekerjaan, perniagaan atau perusahaan yang pada pendapat kami adalah lebih berbahaya atau melibatkan risiko yang lebih tinggi kepada hayat atau kesihatan berbanding dengan pekerjaan yang telah dimaklumkan oleh *pemilik sijil* kepada kami.
- Melibatkan diri dalam pekerjaan, perniagaan, atau perusahaan yang baru di mana orang yang diinsuranskan tidak terlibat sebelum ini tanpa memberitahu kami secara bertulis dengan segera.



# Terma dan syarat umum yang terpakai untuk *polisi induk*



Terma dan syarat umum dalam bahagian ini terpakai untuk *polisi induk*. Ini termasuk:

- bagaimana kami menghubungi *pemilik sijil* tentang *sijil*
- bagaimana kami mematuhi undang-undang dan sekatan
- kenapa *polisi induk* ini tidak menyertai dalam perkongsian perolehan lebihan
- apa kami maksudkan dengan *polisi induk* tiada nilai tunai
- apa kami maksudkan dengan pembaharuan adalah tidak dijamin

## Bagaimana kami menghubungi *pemilik sijil* tentang *sijil*

Kami akan menghubungi *pemilik sijil* dengan menggunakan pos biasa, pos berdaftar pra-bayar, serahan secara peribadi atau e-mel. Melainkan *polisi induk* menyatakan sebaliknya, kami akan menggunakan alamat *pemilik sijil* yang terakhir diketahui untuk menghantar kepada *pemilik sijil*:

- notis;
- permintaan;
- arahan; atau
- surat-menyurat.



Alamat *pemilik sijil* yang terakhir diketahui merangkumi alamat surat-menyurat pos atau alamat e-mel yang mereka berikan kepada kami.

## Bila kami mengandaikan bahawa maklumat telah dihantar

Apabila kami menghantar maklumat kepada *pemilik sijil*, kami akan mengandaikan bahawa maklumat telah dihantar:

- pada hari kami menghantarnya, jika kami menggunakan e-mel;
- pada hari penghantaran, jika kami menyerahkan secara peribadi; atau
- 7 hari selepas kami menghantarnya, jika kami menggunakan pos biasa atau pos berdaftar pra-bayar.

## Kami boleh menahan maklumat selepas 3 kali percubaan untuk menghantar kepada *pemilik sijil*

Jika sebarang maklumat yang cuba dihantar oleh kami kepada *pemilik sijil* dikembalikan kepada kami setelah membuat percubaan maksimum 3 kali untuk menghantarnya, kami boleh memilih untuk menghentikan penghantaran maklumat lanjut kepada *pemilik sijil* sehingga mereka mengesahkan alamat surat-menyurat atau alamat e-mel yang terkini.



---

## Polisi induk ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia

Undang-undang Malaysia terpakai untuk *polisi induk* ini. Ia termasuk dalam bidang kuasa mahkamah Malaysia.

---

## Kami akan mematuhi undang-undang sekatan, pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan

Kami boleh mengambil langkah-langkah untuk mematuhi undang-undang, peraturan dan permintaan pihak berkuasa yang berkaitan dalam bidang sekatan, pencegahan pengubahan wang haram, dan pencegahan pembiayaan keganasan, termasuk tetapi tidak menyeluruh terhadap sekatan yang diterima pakai oleh:

- United Nations Security Council (UNSC);
- Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan
- agensi kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia.

Langkah-langkah ini boleh termasuk:

- menamatkan *sijil* dan perlindungan yang berkaitan; dan
  - membeku dan melayan *premium* yang telah dibayar dan amaun yang perlu dibayar di bawah *sijil*, dalam sebarang cara yang kami anggap sesuai.
- 

## Bagaimana sekatan luar negara mempengaruhi *polisi induk* ini

Walaupun terdapat peruntukan lain dalam *polisi induk*, kami hanya akan melindungi orang yang diinsuranskan jika *sijil* tidak bertentangan dengan sebarang sekatan atau resolusi yang diguna pakai oleh:

- Amerika Syarikat;
  - Kementerian Dalam Negeri (KDN);
  - United Nations Security Council (UNSC); atau
  - agensi kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia.
- 

Ini juga terpakai untuk sekatan yang disasarkan pada:

- individu;
- industri;
- entiti yang dimiliki oleh kerajaan;
- institusi kewangan; dan
- kumpulan-kumpulan lain.

Kami melakukan ketekunan wajar dengan kerap untuk menentukan risiko atas pelanggan baru dan sedia ada. Ini adalah untuk memastikan bahawa perlindungan yang kami berikan tidak bercanggah dengan:

- sekatan atau resolusi yang diguna pakai oleh Amerika Syarikat, KDN dan UNSC;
- mana-mana peruntukan UNSC yang dipakai oleh ahli negara-negara; atau
- mana-mana notis sekatan yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia.

Kami mengambil tindakan ini dengan kerap supaya sekatan, resolusi, dan peruntukan boleh diubah dari masa ke semasa.

Pada bila-bila masa dari masa *pemilik sijil* mula memohon *sijil* mereka, jika kami menyedari bahawa perlindungan yang kami berikan bercanggah dengan sekatan atau peruntukan tersebut, kami akan mengambil tindakan berikut tanpa memberi notis awal kepada *pemilik sijil*.

- Menamatkan *sijil* dengan serta-merta
- Mengisytiharkan bahawa *sijil* tidak sah dari permulaan
- Menguruskan semua wang yang perlu dibayar berkenaan dengan *sijil* dalam sebarang cara yang kami anggap sesuai, termasuk, tetapi tidak terhad kepada membeku wang atau menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan
- Tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang langkah yang diambil



---

## ***Polisi induk ini tidak menyertai dalam perkongsian perolehan***

Polisi ini adalah tanpa penyertaan. Ini bermaksud kami tidak akan mengembalikan perolehan lebihan kami kepada anda atau *pemilik sijil* dalam apa-apa bentuk dividen atau bonus.

---

## ***Polisi induk ini tidak mempunyai nilai tunai***

Polisi ini adalah untuk perlindungan sahaja. Ini bermaksud kami tidak akan menawarkan sebarang nilai tunai. *Pemilik sijil* tidak akan mendapat apa-apa tunai apabila *pemilik sijil* menyerahkan *sijil*.

---

## ***Pembaharuan adalah tidak terjamin***

Pembaharuan polisi ini adalah tidak dijamin. Ini bermaksud kami boleh memutuskan untuk tidak memperbaharui *sijil* apabila tamat mana-mana tempoh *sijil* 2 tahun. Kami akan memberitahu *pemilik sijil* jika kami tidak memperbaharui *sijil* secara bertulis dalam tempoh 60 hari terlebih dahulu.



# Maksud terma-terma penting dalam *polisi induk*



## ***Kemalangan***

Peristiwa yang disebabkan oleh punca *kecederaan* tubuh yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja, tidak dijangka dan luar biasa pada masa dan tempat yang boleh dikenal pasti dan secara bebas daripada sebarang akibat lain, menjadi punca tunggal *kecederaan* tubuh.

## ***Aktiviti kehidupan harian***

*Aktiviti kehidupan harian* terdiri daripada 6 keupayaan ini:

- **Pengalihan** – Berkeupayaan untuk bangun dan duduk dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- **Pergerakan** – Berkeupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- **Buang Air Besar dan Kecil** – Berkeupayaan untuk mengawal fungsi pembuangan air besar dan kecil secara semulajadi untuk menjaga kebersihan diri.
- **Berpakaian** – Berkeupayaan untuk memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- **Mandi/Membersihkan diri** – Berkeupayaan untuk mandi atau membersihkan diri (termasuk kemampuan untuk masuk atau keluar dari bilik mandi) atau membersihkan diri dengan cara-cara lain.
- **Makan** – Semua usaha untuk memasukkan makanan yang telah disediakan ke dalam tubuh badan.

## ***Tempoh penilaian***

Tempoh yang mana kami akan menilai keadaan sebelum menentukan sama ada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai *kekal*.

*Tempoh penilaian* adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi dan tempoh ini tidak akan melebihi 12 bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).

## ***Sijil***

Sijil insurans yang dikeluarkan yang merekodkan butiran khusus *pemilik sijil* dan orang yang diinsuranskan dalam *polisi induk* ini.

## ***Ulang tahun sijil***

Mana-mana ulang tahun 12 bulan dari *tarikh permulaan* yang dinyatakan dalam sijil insurans.

## ***Pemilik sijil***

Seorang warga Malaysia yang waras dan berumur antara 18 hingga 56 tahun. Orang ini memiliki *sijil* yang dinyatakan dalam sijil insurans atau sebarang *endorsan*. *Pemilik sijil* boleh melaksanakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang ada di bawah *sijil* ini.

## ***Tahun sijil***

Setiap tempoh 12 bulan, bermula dari *tarikh permulaan sijil*, dan seterusnya bermula dari setiap *ulang tahun sijil*.

## ***Tarikh permulaan***

Tarikh *polisi induk* atau *sijil* bermula.

*Tarikh permulaan polisi induk* adalah dinyatakan dalam Penyata Maklumat Polisi dalam *polisi induk* ini.

*Tarikh permulaan sijil* adalah dinyatakan dalam sijil insurans.

## ***Penilaian pelanggan***

Penilaian yang kami jalankan atas *ahli yang layak* yang memohon untuk diinsuranskan di bawah *polisi induk* ini. Penilaian ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penyemakan keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan peraturan-peraturan lain yang kami tetapkan.



## **Ahli yang layak**

Pelanggan-pelanggan *pemilik polisi induk*. *Ahli yang layak* ini mestilah warga Malaysia, waras dan berumur antara 18 hingga 56 tahun.

## **Endorsan**

Satu dokumen atau dokumen-dokumen yang mengubahsuai *polisi induk* atau *sijil*.

## **Tarikh tamat tempoh**

Tarikh di mana *polisi induk* ini atau *sijil* tamat tempoh.

*Tarikh tamat tempoh polisi induk* adalah dinyatakan dalam Penyata Maklumat Polisi dalam *polisi induk* ini.

*Tarikh tamat tempoh sijil* adalah dinyatakan dalam sijil insurans atau sebarang *endorsan*.

## **Penghospitalan**

Apabila orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang diperlukan dari segi perubatan untuk ketidakupayaan yang dilindungi. *Penghospitalan* harus dicadangkan oleh pakar perubatan.

Untuk dianggap sebagai pesakit dalam, orang yang diinsuranskan mesti tinggal di hospital secara fizikal untuk keseluruhan tempoh *penghospitalan*.

## **Kecederaan**

*Kecederaan* anggota badan yang disebabkan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada sebab lain akibat tindakan luaran, keganasan dan *kemalangan*. *Kecederaan* mungkin adalah:

- lebam atau luka yang dapat dilihat pada bahagian luar badan;
- *kecederaan* dalaman;
- mati lemas akibat *kemalangan* yang dapat didedahkan melalui autopsi.

## **Unit penjagaan rapi**

Satu bahagian dalam hospital yang:

- ditetapkan oleh hospital untuk penjagaan rapi;
- berkhidmatan 24 jam semata-mata untuk merawat pesakit yang dalam keadaan kritikal; dan
- dilengkapi dengan perkhidmatan kejururawatan dan perubatan yang tidak tersedia di tempat lain dalam hospital.

## **Tidak boleh pulih**

Bermaksud tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya melalui rawatan perubatan atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.

## **Tarikh dikeluarkan**

Tarikh *polisi induk* ini atau *sijil* dikeluarkan.

*Tarikh dikeluarkan polisi induk* adalah dinyatakan dalam Penyata Maklumat Polisi dalam *polisi induk* ini.

*Tarikh dikeluarkan sijil* adalah dinyatakan dalam sijil insurans.

## **Polisi induk**

*Polisi induk* Qaseh Murni.

## **Ulang tahun polisi induk**

Mana-mana ulang tahun 12 bulan dari *tarikh permulaan* yang dinyatakan dalam *polisi induk*.

## **Pemilik polisi induk**

Orang yang memiliki *polisi induk* ini. *Pemilik sijil* adalah dinyatakan dalam Penyata Maklumat Polisi dalam *polisi induk* ini. *Pemilik sijil* boleh memutuskan untuk tidak menawarkan produk kepada ahli baru yang layak.

## **Kekal**

Bermaksud dijangka untuk *kekal*/seumur hidup orang yang diinsuranskan.



## ***Defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan***

Simptom disfungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup orang yang diinsuranskan.

Simptom-simptom yang dilindungi:

- kebas;
- lumpuh;
- kelemahan setempat;
- dysarthria (kesukaran bertutur);
- aphasia (ketidakupayaan bertutur);
- dysphagia (kesukaran menelan);
- kecacatan penglihatan;
- kesukaran berjalan;
- kekurangan koordinasi;
- tremor;
- sawan;
- demensia;
- delirium; dan
- koma.

## ***Premium***

Bayaran *premium* berjadual untuk *polisi induk* ini.

*Premium* dinyatakan dalam sijil insurans atau sebarang *endorsan*.



## Untuk maklumat lanjut

Kunjungi cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat, sembang secara langsung dengan kami di [fwd.com.my](http://fwd.com.my) atau e-mel [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)



### Talian Khidmat Pelanggan

**1300 22 6262**

Waktu operasi:  
Isnin hingga Khamis,  
8:30 AM - 5:30 PM;  
Jumaat, 8:30 AM - 4:30 PM  
(kecuali cuti umum)

## Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah pengendali insurans di Malaysia yang menyediakan rangkaian produk insurans hayat, termasuk perlindungan perubatan dan penyakit kritikal, pelan simpanan, serta pelan berkaitan pelaburan. FWD Insurance dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Untuk maklumat lanjut, sila layari [fwd.com.my](http://fwd.com.my)

FWD Insurance adalah anak syarikat FWD Malaysia Holdings Sdn Bhd (“FWD Malaysia”), yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan FWD (1828.HK), sebuah perniagaan insurans hayat dan kesihatan pan-Asia yang berkhidmat kepada 34 juta pelanggan di 10 pasaran. Ditubuhkan pada tahun 2013, syarikat ini beroperasi dalam beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. Kumpulan FWD disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Hong Kong di bawah kod saham 1828.

## Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan rakyat Malaysia.